

Tugas PAC selesai, tidak akan siasat semula
Free Malaysia Today
Julai 25, 2016
Aedi Asri

Pengerusi PAC enggan mengulas dokumen DoJ yang menamakan ahli perniagaan Low Taek Jhow (Jho Low) sebagai pemilik akaun Good Star Limited.

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) tidak akan membuka semula siasatan keatas 1Malaysia Development Berhad (1MDB) walaupun Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) sedang menyelongkar aset dipercayai dibeli dengan wang yang dilesapkan daripada syarikat milik kerajaan itu.

Pengerusi PAC Datuk Hasan Arifin berkata pihaknya tidak ada sebab untuk berbuat demikian memandangkan tugas jawatankuasa itu menyiasat 1MDB sudah pun selesai pada April lalu.

“PAC sudah buat siasatan dan bentang (laporan) di Parlimen. Maka, tugas kami sudah selesai dan tidak akan menyiasatnya (sekali lagi),” kata Hasan ketika dihubungi FMT.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai penemuan dalam dokumen aduan DoJ yang menamakan ahli perniagaan Low Taek Jhow (Jho Low) sebagai pemilik akaun Good Star Limited, salah satu syarikat dalam siasatan Amerika Syarikat ke atas konspirasi mengubah wang yang dilesapkan daripada 1MDB.

Menurut dokumen DoJ, antara tahun 2009 dan 2011, dengan alasan melabur dalam satu usahasama antara 1MDB dan PetroSaudi International, pegawai 1MDB dan pihak lain membuat pemindahan lebih AS\$1 bilion ke dalam akaun bank di Switzerland atas nama Good Star Limited.

Jho Low tidak dinamakan dalam laporan akhir PAC ke Parlimen. Ini kerana Hassan membuang bahagian yang menyebutkan kaitan Jho Low dengan Good Star dalam laporan itu tanpa pengetahuan ahli jawatankuasa lain, menurut seorang ahli PAC, Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara Tony Pua.

Tony berkata, ayat yang dibuang itu berbunyi: ‘Bank Negara Malaysia (BNM) dimaklumkan oleh pihak berkuasa negara yang Good Star Limited adalah syarikat dimiliki individu tiada kaitan dengan PetroSaudi Group’.

Menjelaskan tindakannya, Hassan berkata surat BNM yang menamakan Jho Low sebagai pemilik Good Star adalah bertaraf risikan, dan PAC hanya boleh melaporkan maklumat sah dan tepat dalam laporan akhirnya.

Ketika diminta mengulas tindakan DoJ menamakan Jho Low sedangkan PAC enggan menamakannya, Hassan enggan mengulas.

“Itu di luar bidang kuasa saya,” jawabnya.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/07/25/tugas-pac-selesai-tidak-akan-siasat-semula/>